

22 MAY 1999

Mahathir-Perpaduan

TANGKIS SERANGAN KAPITALIS BARU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerjasama erat di antara pekerja, majikan dan kerajaan sangat diperlukan untuk menangkis serangan kapitalis baru yang sedang cuba untuk menguasai dunia.

Perdana Menteri berkata kapitalis baru ini sedang berusaha untuk kononnya mendisiplinkan kerajaan negara-negara yang lemah dengan menentukan siapa yang harus memerintah selain menentukan dasar-dasar yang harus dituruti untuk keuntungan mereka.

"Kita harus berganding bahu mempertahankan negara kita, ini amat penting. Apabila kita menghadapi masalah, kita rapatkan barisan, kerajaan, pekerja dan majikan untuk mempertahankan hak kita," katanya ketika berucap pada majlis Perhimpunan Perpaduan Hari Pekerja 1999.

Majlis itu yang diadakan di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini dihadiri kira-kira 10,000 wakil pekerja sektor swasta dan kerajaan.

"Jangan kita pecahkan perpaduan kita kerana dihasut oleh mereka kerana niat mereka bukan niat yang baik. Bukan mereka yang akan membela kita, yang akan membela kita ialah kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada pekerja di negara ini kerana tabah menghadapi serangan kapitalis baru ini dengan tidak mengambil tindakan seperti merusuh kerana tindakan seperti itu akan hanya merosakkan negara.

Beliau berkata kapitalis baru itu telah menyerang matawang dan pasaran saham di negara ini untuk menggagalkan usaha kerajaan memajukan ekonomi dan negara.

"Kita sedang memasuki abad ke-21, alaf yang ketiga dan banyak cabaran akan kita hadapi. Cabaran dari negara-negara maju yang tidak ingin melihat negara membangun seperti negara kita mencapai kemajuan," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka tidak suka melihat negara ini dapat mengeluarkan barangan yang boleh bersaing dengan barangan mereka dalam pasaran dunia.

"Dahulu semua barangan pembuatan diimport dari negara mereka, kini Malaysia mengeluarkan barang-barang itu dan mengeksport ke negara mereka pula.

"Mereka tidak senang hati kerana ia bermakna mereka tidak dapat hidup mewah disebabkan barangan negara ini boleh menewaskan barangan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh sebab itu mereka akan cuba menyekat Malaysia daripada mengeluarkan barangan yang boleh bersaing dengan mereka.

"Kalau kita tidak berjaga-jaga dalam abad yang akan datang ini, mereka akan cuba menyerang kita lagi dan mungkin mereka akan berjaya jika kita tidak tahu bagaimana mengurus hal ehwal negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan ingin bekerjasama dengan pekerja dan majikan kerana hanya dengan cara itu sahaja dapat memajukan negara dan menambah pendapatan rakyat.

Kerajaan dapat mengutip lebih banyak cukai daripada majikan dan wang itu dapat digunakan untuk kebaikan rakyat terutamanya golongan termiskin, katanya.

"Kerjasama ketiga-tiga pihak memberi keuntungan kepada kerajaan, majikan dan pekerja," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu melihat pekerja mendapat pendapatan yang semakin tinggi kerana ia akan menyumbang kepada pembangunan negara.

Pekerja yang mendapat pendapatan yang lebih akan berbelanja dan setiap kali mereka berbelanja ada pihak lain yang mendapat manfaat, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah mengambil langkah-langkah sendiri untuk menangani krisis ekonomi yang diakibatkan oleh serangan pedagang matawang dan pelabur asing jangka pendek dengan mengawal matawang dan pasaran saham di negara ini.

"Selagi bangsa-bangsa di dunia tidak menyekat kapitalis moden ini, kita tidak akan melepaskan kawalan ekonomi kita dan kewangan kita," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan terus mengawasi agar mereka tidak menghancurkan ekonomi negara.

"Negara kita tanggungjawab kita bersama, pekerja, majikan dan kerajaan. Pertahankanlah kemerdekaan negara dari cengkaman kapitalis moden ini," katanya.

-- BERNAMA

AFY AKD